

1. "Walaupun, secara peribadi orang Maratha adalah bijak dan berani, mereka tidak mempunyai semangat perpaduan yang diperlukan bagi mempertahankan kedaulatan negara. Faktor inilah yang telah menyebabkan kejatuhan Empayar Maratha." Bincangkan.
2. Sejauh manakah dasar tanah(Sistem Zamindar) yang diperkenalkan oleh pihak British berjaya mengatasi kemiskinan di India?
3. "Dahagi India 1857 adalah tidak lebih daripada satu cetusan emosi oleh sepoi-sepoi India." Bincangkan.
4. Dengan merujuk kepada isu-isu yang diperjuangkan antara 1885 hingga 1905, nilaikan peranan Kongres Kebangsaan India sebagai sebuah parti politik kebangsaan.
5. Nilaikan secara kritis perjuangan Liga Muslim dalam mempertahankan kepentingan orang Islam di India dari 1906 hingga 1947.
6. Bincangkan mengapa pergerakan *satyagraha* yang dilancarkan oleh Gandhi pada 1919 dan 1920 telah berakhir dengan keganasan dan pertumpahan darah.
7. "Sebenarnya, pihak pentadbir Britishlah, melalui dasar-dasar pro-Muslim, telah menyemai semangat pemisahan di kalangan orang Islam di India." Sejauh manakah anda setuju?